

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 19.10.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 3

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat mana kemajuan pelaksanaan pemasangan paip untuk menyalurkan air terawat ke kawasan dari Bara ke Bukit Tungku, Sayat, Soh dan Seremat seperti kelulusan peruntukan yang telah dimaklumkan semasa soal jawab mesyuarat parlimen bulan Mei yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah dimaklumkan kepada Yang Berhormat pada 10 Mac 2016 yang lalu, selepas kajian kajian semula Bajet 2016, pihak Kementerian akan mula menjalankan kerja-kerja awalan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jalan Bara-Sayat ke Kampung Soh, Bahagian Sri Aman pada tahun ini.

Untuk makluman YB seterusnya, pihak Kementerian baharu sahaja selesai proses pelantikan perunding dan jurukur bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jalan Bara-Sayat ke Kampung Soh, Bahagian Sri Aman ini. Pelaksanaan projek ini dijangka untuk ditender pada bulan Mei 2017.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh**
[Putatan]

TARIKH : **19 Oktober 2016 (Rabu)**

SOALAN : **11**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) sejak penubuhannya, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh ESSCOM dan cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pihak ESSCOM bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawab dengan efektif; dan
- (b) tindakan yang telah dirangka bagi mengatasi masalah “culik untuk tebusan” yang masih berleluasa dalam kawasan ESSCOM.

JAWAPAN : YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kejayaan utama ESSCOM sehingga kini adalah berjaya menghalang ancaman pencerobohan oleh kumpulan dari selatan Filipina sesuai dengan objektif penubuhannya. Selain itu, langkah-langkah pengukuhan dan memperketatkan kawalan keselamatan yang dilakukan oleh ESSCOM khususnya di resort-resort, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah berjaya mengelakkan jenayah rentas sempadan seperti penculikan oleh kumpulan *kidnap for ransom* (KFRG) di resort-resort, tempat tumpuan pelancong dan sangkar ikan berlaku. Kali terakhir penculikan yang berlaku di tempat-tempat tersebut ialah di Restoran Ocean King, Sandakan pada bulan Mei 2015. Strategi ini telah memaksa KFRG menukar *modus operandi* dengan mengubah sasaran kepada vesel-vesel yang bergerak perlahan atau yang mempunyai *low freeboard* (soft targets) seperti kapal dagang, kapal tunda dan bot-bot nelayan.

ESSCOM juga telah berjaya menggagalkan 15 cubaan culik sejak tahun 2014 sehingga Mei 2016 (enam cubaan menculik pada tahun 2014, tiga pada tahun 2015, dan enam sehingga Mei 2016).

Cabaran utama ESSCOM di dalam mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan ialah:

- i. penglibatan dan sokongan “orang dalam” khususnya dari pendatang tanpa izin (PATI) yang berada di Sabah seumpama “duri dalam daging” dan “musuh dalam selimut”;
- ii. kawasan perairan Sabah yang luas iaitu 134,761.54 kilometer persegi yang mempunyai 358 buah pulau; dan

- iii. jarak sempadan yang dekat dengan negara jiran menyukarkan pasukan keselamatan mengawal setiap inci perairan negara terutamanya pada waktu malam.
- iv. Terdapat aktiviti penculikan berlaku di perairan selatan Filipina tetapi gambarannya seolah-oleh berlaku di perairan ESS Zone. Pasukan keselamatan Malaysia hanya mengurus ancaman KFRG di sebelah perairan Malaysia sahaja;
- v. Jumlah bot nelayan yang tinggi di Sabah khususnya di kawasan ESS Zone menyukarkan dari segi pemantauan lebih-lebih lagi apabila pihak nelayan dan pengusaha bot tidak memasang AIS.

Bagaimanapun, ESSCOM tetap komited meneruskan usaha bagi mengekang dan membanteras aktiviti penculikan di perairan Sabah sehingga ke peringkat akar umbi. ESSCOM telah mengambil pelbagai tindakan bagi mengatasi masalah “culik untuk tebusan” antaranya:

- i. memperkukuhkan penempatan Pasukan Keselamatan di daratan sepanjang ESS Zone khususnya di kawasan / laluan berisiko tinggi yang dikenal pasti;
- ii. mengatur gerak aset laut di sepanjang perairan ESS Zone, khususnya yang berdepan dengan laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
- iii. melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai show of force;
- iv. mengatur gerakan pasukan khas (*special force*) dan *quick response force* ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperagakan kehadiran;

- v. mengatur gerak vesel yang dilengkapi dengan sistem pengawasan radar, radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh, dan pengawasan pesawat udara;
- vi. perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan *operational* baik secara intra-agensi dan inter-agensi juga dengan pasukan perisikan Filipina;
- vii. melancarkan operasi-operasi khas mengasak sarang-sarang penjenayah / tali barut *Abu Sayaf Group* (ASG) dari semasa ke semasa; dan
- viii. memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESS Zone.

Sekian, terima kasih.